



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	6/3/2013

Najib sedih sambut jenazah wira negara

BH-6/3/2013

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak semalam mendedahkan perasaannya amat sedih ketika menyambut ketibaan jenazah wira negara yang terkorban dalam pertempuran dengan pengganas di Sabah kelmarin.

Perdana Menteri mengakui hatinya sayu apabila bertemu balu mereka, termasuk seorang yang kehilangan suami dalam keadaan mengandung

serta anak mereka yang masih kecil dan tidak mengetahui apa-apa.

"Inilah kisah yang menyedihkan saya... tetapi ada juga orang yang tergamak menuh ini satu sandiwara kerajaan. Saya tidak tahu apa saya nak kata kepada manusia seperti ini.

"Manusia yang tergamak cakap macam itu tidak ada perasaan, tiada isi hati perut,

satu perbuatan yang cukup keji. Sebab itulah kita perlu menolak orang seperti ini," katanya disambut tepukan gemuruh ketika berucap merasmikan Majlis Perhimpunan Perdana Ulama-Umara + Asnaf Bersama Perdana Menteri di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini, semalam.

Merujuk tuduhan Tian Chua

Kenyataan Najib merujuk kepada tuduhan Naib Presiden PKR, Tian Chua, yang dilaporkan media baru-baru ini kononnya pertempuran dengan pengganas di Sabah adalah konspirasi UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Sambil mengucapkan takziah kepada keluarga wira negara yang terkorban mempertahankan tanah air dalam konflik berkenaan, Najib mengajak kira-kira 16,000 hadirin bersama menghadiahkan al-Fatihah dan berdo'a semoga roh mereka dicucuri rahmat serta ditempatkan di kalangan syuhada dan orang beriman, manakala mendiang Asisten Superintendan Michael Padel disemadikan dalam keadaan aman.

Pada majlis itu, Sekretariat Ulama-Umara (UMUM) mengadakan kutipan Tabung Wira Negara yang berjaya mengumpul sumbangan RM11,586.